

Malaysia alami cuaca ekstrem 10 tahun lagi

- Suhu paling panas direkodkan di Chuping, Perlis pada 9 April 1998 dengan bacaan 40.1 darjah Celsius

Eksklusif

- Bandar jadi lebih panas disebabkan bangunan konkrit, aerosol terhasil akibat perindustrian

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia khususnya Lembah Klang yang sedang melalui proses urbanisasi yang pesat berisiko dilanda cuaca lebih ekstrem, termasuk cuaca panas melebihi 37 darjah Celsius selain kekerapan berlaku ribut petir yang lebih kuat dan puting beliung.

Kajian Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menunjukkan negara ini akan melanda cuaca ekstrem dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang.

Ramalan cuaca ekstrem itu dibuat berikutan peningkatan kejadian hujan batu yang semakin kerap, kejadian belalai air dan darat, selain hujan yang sangat lebat, khususnya di kawasan bandar se-

hingga menyebabkan banjir.

Ketua Pengarah MET Malaysia, Muhammad Helmi Abdullah, berkata risiko cuaca ekstrem itu didapati boleh berlaku selepas pasukannya mencecerap peningkatan dari segi frekuensi intensiti kejadian cuaca yang bertambah sejak kebelakangan ini.

Nasional 3